



14 JAN, 2026

Bekalan elektrik pangsapuri pulih

SelangorKini, Malaysia



Borhan menyampaikan kelengkapan sekolah kepada 100 murid yang mendiami Blok C, Pangsapuri Seri Perantau, Klang melalui program Ceria ke Sekolah Tenaga Nasional Berhad pada 1 Januari. Program sejak 2018 itu memanfaatkan 86,000 keluarga di seluruh negara. Foto AHMAD ZAKKI JILAN

Bekalan elektrik pangsapuri pulih

KLANG - Bekalan elektrik 50 unit kediaman di blok C, Pangsapuri Seri Perantau di Pelabuhan Klang yang terjejas akibat kebakaran bilik sesalur elektrik dipulihkan setakat 1 Januari.

Menurut EXCO perumahan, baki 78 unit kediaman dalam proses pemulihan dan kerja baik pulih giat dijalankan termasuk menilai tahap keselamatan pendawaian dan struktur elektrik bangunan.

Datuk Borhan Aman Shah memberitahu perkhidmatan lif di blok berkenaan yang turut terjejas akibat kejadian tersebut mulai pulih dan dijangka selesai sepenuhnya pada bulan ini.

Beliau ditemui selepas menyempurnakan serahan sumbangan Ceria ke Sekolah Tenaga Nasional Berhad (TNB) di sini pada 1 Januari.

Sementara itu, Ketua Blok C Azizul Anuar Abu Karim bersyukur dengan perkembangan pemulihan bekalan elektrik dan berharap masalah ini selesai sebelum kedatangan Ramadan.

Sebelum ini, Borhan memaklumkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) setuju menyalur peruntukan sehingga RM2 juta bagi menampung kos pembaikan sistem elektrik di pangsapuri itu.

PKNS bersama TNB turut menggerakkan inisiatif tanggungjawab sosial korporat termasuk menyalurkan sumbangan melalui Skim Baik Pulih Negeri Berkebakikan.

Beliau menjelaskan kelemahan penyelenggaraan dikenal pasti sebagai antara faktor penyumbang kepada kejadian kebakaran di Blok C.